

Perjumpaan Pemuda bantah Israel serang Palestin

Oleh HASHNAN ABDULLAH

UM - 31/7/2006

Perjumpaan dengan beberapa organisasi belia Indonesia perlu untuk bersama-sama menyuarakan keamanan dan membantah serangan Israel ke atas dua negara berkenaan

HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN
Ketua Pergerakan
Pemuda UMNO



PUTRAJAYA 30 Julai - Pergerakan Pemuda UMNO dan Barisan Nasional (BN) akan mengadakan satu perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin organisasi belia Indonesia dalam usaha membantah serangan Israel ke atas Palestin dan Lebanon di Jakarta pada 2 Ogos ini.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (*gambar*) berkata, organisasi tersebut ialah Komite Nasional Pemuda Indonesia (KNPI), Angkatan Muda Pembaharuan Indonesia (AMPI), World Association Of Youth (WAY) dan Pemuda Parti Keadilan Sejahtera Indonesia (PKS).

Beliau berkata, perjumpaan dengan beberapa organisasi belia Indonesia perlu untuk bersama-sama menyuarakan keamanan dan membantah serangan Israel ke atas dua negara berkenaan.

"Perjumpaan ini akan menjurus kepada perbincangan mengenai usaha bagaimana Pemuda UMNO dan BN serta pemuda Indonesia dapat bersatu mewakili lebih

200 juta orang, membantah dan mengutuk serangan Israel ke atas Palestin dan Lebanon.

"Selain itu, perjumpaan ini juga akan membincangkan lawatan bersama pemimpin-pemimpin muda terbabit bagi melancarkan suara keamanan dan gesaan mendesak Israel menghentikan kekejaman serta melakukan gencatan senjata ke atas Palestin dan Lebanon," katanya dalam kenyataan kenyataan akhbar, hari ini.

Dalam pada itu, Hishammuddin selaku Menteri Pelajaran memberitahu, Kementerian Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan mengadakan perbincangan dengan Indonesia serta Brunei di Istana Bogor, Indonesia, selama dua hari

bermula esok bagi memartabatkan bahasa Melayu.

Beliau yang mengetuai delegasi Malaysia berkata, perbincangan tersebut ekan kebimbangan yang dibangkitkan oleh Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim) yang berpendapat sikap positif rakyat ketiga-tiga negara terhadap bahasa Melayu semakin menurun.

"Pertemuan akan membincangkan hal-hal berkaitan pementapan penggunaan bahasa Melayu yang semakin hari semakin tercabar dengan pengenalan bahasa-bahasa asing yang mendapat perhatian orang ramai.

"Lawatan yang merupakan jempunan

Menteri Pendidikan Nasional Indonesia itu akan membincangkan kaedah untuk memperkenalkan serta mempertingkatkan lagi kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan teknologi," katanya.

Sehungan itu, beliau berkata, satu dokumen persefahaman akan ditandatangani oleh ketiga-tiga Menteri Pelajaran, disaksikan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono pada 1 Ogos.